

# Tangani isu pemerdagangan manusia

» *Negara anggota komited cegah jenayah, lindungi mangsa*

■ Kuala Lumpur

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 kali ini, menyaksikan detik bersejarah apabila 10 pemimpin negara ahli pertubuhan itu menandatangani Konvensyen ASEAN Mengenai Pemerdagangan Manusia Terutama Wanita dan Kanak-Kanak (ACTIP), semalam.

ACTIP menetapkan rangka kerja perundangan bagi rantau ini untuk menangani isu pemerdagangan manusia secara berkesan, selain melahirkan kesungguhan politik dan komitmen sebagai negara anggota ASEAN dalam melindungi mangsa kegiatan itu serta mencegah jenayah terbahit di rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, selaku Pengerusi ASEAN 2015, mengetuai sembilan pemimpin negara lain menandatangani konvensyen itu sebagai memperakui keperluan mendesak dalam menangani isu berkenaan, disusuli Perdana Menteri Laos, Thongsing Thammavong dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah.

Seterusnya, Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen; Presiden In-

donesia, Joko Widodo; Presiden Myanmar, U Thein Sein; Presiden Filipina, Benigno Aquino III; Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong; Perdana Menteri Thailand, Prayut Chan-o-cha, sebelum diakhiri Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Tan Dung.

Majlis itu turut menyaksikan Myanmar yang dikenali sebagai negara junta tentera, turut memperakui konvensyen terbahit di sebalik pelbagai kritikan berhubung isu penghijrahan etnik Rohingya ke Thailand, Malaysia dan Indonesia.

Najib kemudian menyerahkan dokumen perjanjian itu kepada Setiausaha Agung ASEAN, Le Luong Minh.

ACTIP adalah konvensyen kedua bagi ASEAN, selepas Konvensyen Antikeganasan ASEAN yang dimeterai pemimpin pertubuhan itu di Cebu, Filipina pada 13 Januari 2007.

## Perangi pemerdagangan manusia

Matlamat ACTIP, antara lain adalah untuk melindungi dan memerangi pemerdagangan manusia terutama wanita dan kanak-kanak; memastikan hukuman seimbang terhadap dalang sindiket, melindungi dan membantu mangsa pemerdagangan selaras hak asasi manusia serta mempromosikan kerjasama dalam kalangan pihak berkaitan bagi mencapai matlamat itu.

## INFO

### Konvensyen ASEAN Mengenai Pemerdagangan Manusia Terutama Wanita dan Kanak-kanak (ACTIP)

#### MANGSA PEMERDAGANGAN MANUSIA DIJADIKAN:

##### LELAKI



Buruh paksa

##### WANITA



Buruh paksa



Pelacur



Dipaksa kahwin

##### KANAK-KANAK



Buruh paksa



Pelacur



Peminta sedekah



Memeterai Konvensyen ASEAN (ACTIP) pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di Kuala Lumpur, 21 November 2015

ACTIP pertama kali dicetuskan dalam pertemuan 10 pemimpin pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-18 di Jakarta pada 13 Januari 2011

## Fakta

### ASIA PASIFIK

● **1.4 JUTA**  
Penduduk Asia Pasifik jadi mangsa pemerdagangan manusia

● **AS\$9.7 BILION (RM41.3b)**  
Dijana sindiket pemerdagangan manusia

### GLOBAL

● **2.5 JUTA**  
Orang di seluruh dunia jadi mangsa untuk bekerja sebagai buruh kasar

● **AS\$31.6 BILION (RM135.2b)**  
keuntungan dijana sindiket pemerdagangan manusia

Inisiatif memeterai konvensyen itu teretus susulan pertemuan 10 pemimpin pada Sidang Kemuncak ASEAN kali ke-18 di Jakarta, Indonesia pada tahun 2011.

Pertemuan empat tahun lalu

itu memberi penekanan supaya menteri yang bertanggungjawab dalam isu jenayah rentas sempadan untuk mempertimbangkan ACTIP.

Pada sidang itu, semua pemim-

pin negara anggota menekankan kepentingan melindungi mangsa pemerdagangan khususnya wanita dan kanak-kanak selaras peruntukan undang-undang dan konvensyen antarabangsa.